

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

1.0 Spesifikasi Tender Penyelenggaraan Lanskap

- 1.1 Spesifikasi penyelenggaraan lanskap adalah merupakan isi kepada keperluan yang dikehendaki oleh pihak Majlis.
- 1.2 Menjadi kewajiban kepada petender untuk memahami keperluan ini dengan teliti dan mengetahui keperluan teknikal.
- 1.3 Maklumat yang diberikan adalah merupakan skop kerja yang sebenar ditapak.
 - 1.3.1 Perlu dijelaskan secara terperinci dengan maksud bagi klausa-klausa teknikal memastikan Kontraktor tidak tersalah maksud.
- 1.4 Spesifikasi ini hendaklah menjadi dokumen kontrak setelah Kontraktor yang berjaya menerima pelawaan dan menjadi rujukan kepada klien dan petender di dalam urusan kerja yang bakal dilaksanakan.
 - 1.4.1 Sebarang perbalahan ataupun percanggahan haruslah merujuk kepada spesifikasi yang telah disediakan.

2.0 Syarat-Syarat Am Kontrak

- 2.1 Dalam syarat-syarat am keterangan mengenai tatacara pengurusan dijelaskan bagi makluman dan peringatan kepada petender. Antara perkara-perkara yang perlu diambil perhatian ialah:-
 - 2.1.1 Pemberitahuan mengenai kawalan dan pemeriksaan tapak kerja oleh kontraktor yang telah dilantik oleh jabatan.
 - 2.1.2 Keperluan kelengkapan buruh, peralatan danlori, menyediakan buruh, mesin, kenderaan yang diperlukan untuk kontrak ini.
 - 2.1.3 Pakaian seragam yang lengkap.
 - 2.1.4 Persetujuan penggunaan jenis mesin yang hendaklah digunakan dari wakil klien seperti mesin pemotong rumput dan alat pangkas pokok.
 - 2.1.5 Kenderaan untuk menyiram dan perlu dimaklumkan untuk kelulusan.
 - 2.1.6 Pengawasan Kontrak – Penyelia sebagai wakil tapak.
 - 2.1.7 Maklumat Struktur organisasi yang lengkap.
 - 2.1.8 Pengambilan pekerja – yang mahir di dalam hortikultur yang diiktiraf (Sijil hortikultur, pertanian atau landskap). Penyelia yang mahir di dalam bidang hortikultur.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 2.1.9 Arahan mengenai tindakan keatas pekerja yang tidak memuaskan.
- 2.1.10 Gangguan.
- 2.1.11 Tempoh kontrak.
- 2.1.12 Program kerja.
- 2.1.13 Tuntutan Pembayaran.
- 2.1.14 Pemotongan Pembayaran.
- 2.1.15 Penyerahan Notis Kepada Kontraktor.
- 2.1.16 Subkontraktor.
- 2.1.17 Pampasan kerja.
- 2.1.18 Imbuhan (Indemnity).
- 2.1.19 Penambahan Kerja atau Pengurangan Kerja.
- 2.1.20 Pembuangan sampah/rumput yang sudah dipotong.
- 2.1.21 Pengangkutan sampah/rumput yang sudah dipotong.
- 2.1.22 Pengambilan pekerja-pekerja Majlis dilarang.
- 2.1.23 Masa kerja.
- 2.1.24 Laporan Kerja Mingguan.
- 2.1.25 Keselamatan di jalan raya.
- 2.1.26 Papan Tanda.
- 2.1.27 Kuasa mengambil alih kerja kontraktor.
- 2.1.28 Kerosakan.
- 2.1.29 Kerja tambahan.
- 2.1.30 Mesyuarat pengurusan.
- 2.1.31 Laporan Kemajuan Kerja.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

2.2 Preliminaries

2.2.1 Insuran – Public liability.

2.2.2 Perfomance Bond.

2.2.3 Socso

3.0 Definisi

3.1 Sampah

3.1.1 Bermaksud sebarang bahan atau benda yang dibuang di hadapan atau di belakang sebarang premis/bangunan atau tempat lapang atau sebarang jalan awam atau kawasan lapang/hijau atau di tepi-tepi jalan termasuk kotak-kotak, sampah-sampah yang terikat, bakul-bakul, tin-tin, tong-tong besar atau apa-apa bahan-bahan serta sampah kebun termasuk dahan-dahan, ranting-ranting yang bersesuaian dan diikat untuk menyenangkan pemungutan dan pembuangan.

3.2 Pemungutan Sampah

3.2.1 Bermaksud pemungutan dan pembuangan sampah daripada kawasan penyelenggaraan termasuk bahu/tepi-tepi jalan, pembahagi jalan, kawasan lapang/hijau, simpanan jalan/parit-parit dan kawasan-kawasan lain seperti ditunjukkan di dalam pelan kontrak, termasuk kepulauan trafik, pembahagi jalan, bulatan jalan-jalan awam dan jalan susur.

3.3 Pembersihan Longkang

3.3.1 Bermaksud pembersihan longkang secara mengorek (desilt) dan membuang pasir, lodak, selut atau apa-apa barang/sampah di dalam longkang supaya dapat memastikan air mengalir dengan baik di dalam longkang tersebut dan bergantungan di tepi-tepi longkang. Semua bahan korekan/kutipan hendaklah dibuang pada sehari atau dua hari ke tempat yang diluluskan oleh Majlis.

3.4 Menyapu Jalan

3.4.1 Bermaksud menyapu jalan dan mengangkat kesemua kotoran, pasir dan sampah di atas semua jalan awam dalam kawasan atau kawasan-kawasan berkenaan dan termasuk membuang semak-samun di sepanjang bebendul (kerb) jalan dan mengangkat benda-benda yang menghalang dalam saluran skupper (scupper drains).

3.5 Memangkas

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 3.5.1 Bermaksud membuang dan memotong bahagian dahan atau pucuk atau pelepah atau batang pokok bagi sesuatu pokok utama atau pokok renek atau pokok palma dan seumpamanya bagi tujuan kemasan/ keselamatan/ indah dan seumpamanya mengikut seperti yang diarahkan Pegawai Penguasa atau wakil.

3.6 Merumput

- 3.6.1 Bermaksud mencabut rumput-rumpai dan lain-lain tumbuhan yang tidak diperlukan yang tumbuh diantara/ ditepi/ dicelah/ di dalam sesuatu pokok utama/ pokok palma/ pokok renek/ tanaman penutup bumi/ kekotak tanaman/ ‘rubber wall’/ ‘walk-way’/ kolam/ tangga/ bahu jalan dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil.

3.7 Menggembur

- 3.7.1 Bermaksud membalik-balikkan tanah/ pasir di keliling/ sekitar/ kawasan pokok/ tanaman penutup bumi/ kawasan alat permainan bagi tujuan kemasan/ pengudaraan tanah/ pengindahan dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil.

3.8 Meracun

- 3.8.1 Bermaksud menyembur racun yang dibenarkan menggunakan alat penyembur yang dibenarkan untuk tujuan membunuh/ menghapuskan rumpai yang tidak diperlukan terutama di lokasi seperti bahu jalan/ ‘walk-way’/ ‘rubber wall’/ dinding struktur dan seumpamanya sehingga ia tidak mencacatkan/ merosakkan/ membunuh/ membahayakan tumbuhan/ orang lain dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil.

3.9 Pemotongan Rumput/ Memotong Rumput

- 3.9.1 Bermaksud mengerat/ membuang daun rumput menggunakan mesin/ alat pemotong rumput yang sesuai dan dibenarkan oleh Majlis dengan tujuan kemasan/ cantik/ bersih dan seumpamanya mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakil.

4.0 Bidang Kerja

4.1 Kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini adalah seperti berikut:-

- 4.1.1 Kebersihan kawasan.

- 4.1.2 Kebersihan longkang.

- 4.1.3 Menyapu jalan.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 4.1.4 Membersihkan pondok/ wakaf/ gazebo.
- 4.1.5 Memungut sampah daripada tong-tong sampah.
- 4.1.6 Memotong rumput.
- 4.1.7 Mencantas pokok.
- 4.1.8 Merumput (weeding).
- 4.1.9 Menggembur tanah.
- 4.1.10 Membaja.
- 4.1.11 Mencuci pasu dan planter box.
- 4.1.12 Menggembur pasir alat permainan.
- 4.1.13 Kerja meracun.
- 4.1.14 Membersih struktur/ binaan Majlis.
- 4.1.15 Membersih kolam/ air pancut/ interlocking.
- 4.2 Pada keseluruhannya kawasan penyelenggaraan perlu diselenggara/ dibersihkan setiap masa termasuk hari Ahad dan cuti am.
- 4.3 Secara ringkas boleh dirujuk pada Jadual Melaksana Penyelenggaraan (Lampiran 5)

5.0 Penyelenggaraan harian

- 5.1 Penyelenggaraan harian yang perlu dilakukan oleh petender adalah meliputi kerja-kerja pembersihan kawasan dari sampah sarap dan benda asing, penyelenggaraan pokok melibatkan kerja-kerja menggembur tanah, membaja, merumpai, menyiram, mengawal serangga dan penyakit, mencantas, menyulam dan meyediakan sungkupan.
- 5.2 Bilangan pekerja di setiap kawasan perlu mengikut syarat kontrak.
- 5.3 Keperluan peralatan kelengkapan seperti karung plastik, penyapu, pencakar sampah, penyodok longkang dan pengaut sampah.
- 5.4 Kebersihan hendaklah dilaksanakan ke tahap yang memuaskan hati Pegawai Penguasa atau wakilnya.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 5.5 Masa bekerja ialah tidak lewat daripada pukul 7.30 pagi sehingga pukul 6.00 petang atau seperti yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau wakilnya.
- 5.6 Pembuangan sampah hendaklah dilakukan setiap kali kerja-kerja habis dilakukan.
- 5.7 Keperluan kenderaan untuk mengangkut dan membuang sampah.
- 5.8 Pembajaan (Kadar baja, masa pembajaan, jenis baja.)
- 5.9 Penyiraman.
- 5.10 Sungkuman.
- 5.11 Pengawalan penyakit dan virus.

6.0 Kebersihan Kawasan

- 6.1 Membekalkan pekerja untuk kerja-kerja mengutip segala jenis sampah secara ‘manual’ dengan tenaga kerja dan peralatan yang sesuai dan diluluskan oleh Pegawai Penguasa.
- 6.2 Sampah-sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik yang berwarna cerah.
- 6.3 Segala sampah yang telah dimasukkan ke dalam beg plastik hendaklah dibuang ke tempat pembuangan sampah Majlis Perbandaran Klang.
- 6.4 Segala kerja pembersihan kawasan hendaklah dilaksanakan ke tahap kebersihan yang memuaskan hati Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 6.5 Segala papan tanda/ banting yang digantung atau dipamer dan apa juia iklan atau kenyataan yang berbentuk komersial tanpa kebenaran Majlis hendaklah dibuang.
- 6.7 Kekerapan adalah setiap hari.
- 6.8 Segala pokok mati, sekah dan tumbang hendaklah dibersih dan dibuang ke tapak pelupusan majlis.

7.0 Pembersihan Longkang/ Scupper Drain

- 7.1 Kerja-kerja boleh dijalankan secara ‘manual’ dengan tenaga pekerja biasa dan peralatan yang sesuai. Jentera boleh juga digunakan tertakluk kepada kelulusan daripada Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 7.2 Kerja pembersihan hendaklah dilakukan sehingga air di longkang tersebut dapat mengalir.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 7.3 Kerja-kerja seperti yang dinyatakan dalam syarat 3.3 dan 3.4 hendaklah dilaksanakan ke tahap kebersihan yang memuaskan hati Pegawai Pengguna atau wakilnya.
- 7.4 Longkang-longkang perlu dibersihkan dari daun-daun, sampah sarap, lumut, liken dan rumput rampai.
- 7.5 Perlu pastikan longkang tidak tersumbat dan tidak berbau busuk.
- 7.6 Kekerapan setiap hari.
- 7.7 Perlu sediakan peralatan atau mesin yang sesuai dengan jenis kerja ini seperti mesin High Pressure Water Jet.

8.0 Menyapu Jalan

- 8.1 Membekal pekerja, alat-alatan, perkakasan dan sebagainya untuk kerja-kerja menyapu jalan di dalam kawasan kontrak.
- 8.2 Membersih/ membuang segala apa juu kekotoran/ sampah seperti kekotoran cecair, pepejal/ butiran dan segala jenis kekotoran yang termasuk dalam kategori kekotoran/ sampah.
- 8.3 Kerja menyapu jalan ialah seluruh bahu jalan/ bebendul (kerb) kiri, kanan dan tengah serta semua yang seumpamanya di dalam kawasan kontrak.
- 8.4 Segala kekotoran/ sampah ini perlu dibersih/ dibuang ke tapak pelupusan Majlis dengan memasukkan ke dalam beg plastik yang dibenarkan.
- 8.5 Kerja penyapu jalan ini perlu dilakukan setiap masa/ hari agar kelihatan bersih/ kemas dan teratur.
- 8.6 Kerja-kerja menyapu jalan juga termasuk kerja membersihkan bebendul (kerb) dari segala kekotoran seperti lumut/ asap yang melekat/ rumpai dan lain-lain yang menyebabkan bebendul tersebut kotor. Termasuk menyapu bersih serta membuang saki baki rumput di bebendul selepas menjalankan kerja-kerja pemotongan rumput.
- 8.7 Jika perlu menggunakan pam air (water jet), pihak Kontraktor boleh menggunakan dengan kebenaran Pegawai Pengguna atau wakilnya tanpa sebarang bayaran tambahan.
- 8.8 Kelengkapan seperti air/ berus dalam keperluan untuk membersihkan bebendul perlulah disediakan oleh pihak Kontraktor tanpa sebarang pertambahan kos dalam kontrak.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

9.0 Meracun

- 9.1 Sekiranya perlu kerja meracun, pihak Kontraktor boleh mohon/ mengambil bekalan racun dari Majlis. Tiada tambahan kos untuk kerja-kerja tersebut. Peralatan meracun perlu disiapkan oleh pihak Kontraktor.
- 9.2 Kerja-kerja meracun perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak mengenai pokok/ pokok renek/ tanaman penutup bumi berdekatan dan seumpamanya.
- 9.3 Sekiranya terkena/ mati tanaman berkenaan, pihak Kontraktor perlu mengganti dengan jenis/ saiz yang sama.
- 9.4 Segala kerja meracun (jika perlu) hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Penguasa atau wakil terlebih dahulu.

10.0 Penyelenggaraan Jalan raya atau Jalan Berpremix Termasuk Letak Tempat Kereta, Tembok-tembok/ Dinding Penahan (Rubble Wall), Tangga-tangga dan Jambatan.

- 10.1 Bersihkan jalanraya, jalan berpremix, tempat letak kereta, tembok-tembok/dinding penahan dan tangga-tangga dari daun, lumut, liken. Rumput rampai yang tumbuh dicelah-celah bahagian tersebut.
- 10.2 Kotoran seperti pasir dan tanah perlu dibersihkan.
- 10.3 Kekerapan adalah setiap hari.
- 10.4 Gunakan peralatan yang sesuai dengan kerja ini seperti mesin High Pressure Water Jet.

11.0 Penyelenggaraan Siarkaki, Kawasan Berjogging dan Trek Basikal.

- 11.1 Bersihkan siarkaki dan kawasan berjogging dari daun-daun, lumut, liken, dan rumput-rampai yang tumbuh dicelah-celah siarkaki.
- 11.2 Bersihkan dari tanah, pasir dan sebagainya yang dianggap mengotorkan permukaan siarkaki.
- 11.3 Menggunakan peralatan yang sesuai dengan kerja atau menggunakan mesin seperti High Pressure Water Jet.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

12.0 Membersih Pondok/ Wakaf/ Gazebo/ Dataran

- 12.1 Membekalkan pekerja, alat-alatan, perkakasan dan sebagainya untuk kerja-kerja membersih pondok atau wakaf atau gazebo atau dataran di dalam kawasan kontrak.
- 12.2 Membersihkan pondok, wakaf atau gazebo daripada segala kekotoran seperti kekotoran cecair, pepejal, debu, butiran dan segala jenis kekotoran yang difikirkan termasuk di dalam kategori kekotoran.
- 12.3 Membuang segala apa jua jenis iklan-iklan, pelekat-pelekatan, kertas-kertas, plastik-plastik yang dilekatkan, diletakkan, ditampal atau digantung tanpa kebenaran pihak Majlis.
- 12.4 Membersihkan kawasan sekitar pondok, wakaf, gazebo dan dataran dari segala sampah atau juga kekotoran yang mencacatkan pandangan.
- 12.5 Mengelap dan membersihkan tempat duduk, tangga, dinding dan seluruh kawasan binaan.
- 12.6 Segala kerja-kerja membersih pondok, wakaf atau gazebo perlu dilakukan dengan kebenaran seperti yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa atau wakilnya terlebih dahulu.
- 12.7 Segala kerja-kerja pembersihan pondok, wakaf atau gazebo perlu dilakukan setiap hari mengikut arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 12.8 Bersihkan wakaf-wakaf dan hentian di taman dari daun-daun, lumut, liken, rumput-rampai yang tumbuh di bahagian tersebut.
- 12.9 Bersihkan juga kotoran seperti pasir dan tanah yang terdapat di bahagian tersebut.
- 12.10 Perlu mengecat setiap 3 bulan sekali di bahagian-bahagian wakaf dengan cat timber tone atau cat minyak.
- 12.11 Perlu menyediakan peralatan dan mesin yang sesuai dengan jenis kerja ini yang mudahalih seperti mesin High Pressure Water Jet.

13.0 Penyelenggaraan Meja dan Kerusi Rehat atau Taman

- 13.1 Perlu membersihkan meja dan kerusi rehat dan taman dari daun-daun, lumut, liken, rumput-rampai yang tumbuh di bahagian tersebut.
- 13.2 Sebarang pasir dan tanah yang mengotorkan permukaan bahagian tersebut perlu dibersihkan.
- 13.3 Kekerapan kerja adalah setiap hari.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

13.4 Perlu mengecat setiap 3 bulan sekali bahagian tersebut dengan cat jenis timber tone atau cat minyak.

13.5 Perlu menyediakan peralatan atau mesin yang sesuai dengan kerja ini yang mudah alih seperti mesin High Presure Water Jet.

14.0 Penyelenggaraan Tiang-Tiang Lampu

14.1 Perlu bersihkan tiang-tiang lampu taman dari lumut, liken dan kotoran yang yang terdapat pada bahagian tersebut setiap hari.

14.2 Perlu mengecat tiang lampu dengan warna sedia ada atau arahan S.O 6 bulan sekali.

15.0 Penyelenggaraan Papan-Papan Tanda, Area (Sculpture) dan Mercu Tanda

15.1 Perlu bersihkan papan-papan tanda, arca (sculpture) dan mercu tanda "Selamat Datang" dari sebarang kotoran, habuk, lumut, liken yang terdapat pada bahagian tersebut setiap hari.

15.2 Perlu mengecat bahagian tersebut dengan cat sedia ada kecuali atas arahan S.O 6 bulan sekali.

16.0 Penyelenggaraan Water Fountain

16.1 Perlu bersihkan water fountain dari sebarang kotoran termasuk daun, lumut, pasir, liken,rumput-rumpai setiap hari.

16.2 Perlu menukar air fountain 3 bulan sekali dan memastikan sistem mekanikal dan elektrikal dapat berfungsi dengan baik.

17.0 Memungut Sampah Daripada Tong Sampah

17.1 Membekalkan pekerja alat-alatan, mesin-mesin, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja memungut dan membersihkan sampah daripada tong sampah di dalam kawasan kontrak.

17.2 Kerja-kerja memungut sampah perlu dilakukan setiap hari seperti yang telah diarahkan oleh Pegawai Pengguna atau wakilnya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

17.3 Tong-tong sampah juga perlu dibersihkan (dicuci) setiap kali kerja-kerja memungut sampah dari tong-tong sampah berkenaan selesai dilakukan.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 17.4 Segala kerja-kerja memungut dan membersihkan sampah daripada tong-tong sampah perlu dilakukan ke tahap yang memuaskan hati Pegawai Pengguna atau wakilnya.

18.0 Pemotongan Rumput

- 18.1 Membekalkan pekerja, alat-alatan, mesin-mesin, perkakas dan sebagainya untuk memotong rumput dan rumput-rumpai dalam kawasan kontrak. Rumput hendaklah dipotong dengan mesin atau dengan tangan **tidak melebihi 2 cm di atas paras tanah** dan penelitian hendaklah diberi kepada pemotongan rumput di batas-batas tembok dan ditebing-tebing longkang untuk memastikan pandangan yang samarata.Hendaklah dipastikan juga setengah-setengah rumput-rumput di antara kawasan tepi tebing longkang dan kawasan tanah persendirian yang dipagar (rezab jalan) adalah tinggi dan rumput di dengan tebing konkrit longkang itu, jika terdapat longkang tanah, pemotongan tebing begini hendaklah bersih dan samarata.Rumput yang terdapat di tepi tebing longkang jalan yang berada dalam kawasan tanah rezab hendaklah dipotong samarata hendaklah dibuat samarata dengan peringkat tertinggi air dari longkang itu.'Gang Mowers' tidak dibenarkan untuk digunakan melainkan apabila memotong rumput di tanah lapang dan padang permainan/hiburan.
- 18.2 Membekal pekerja dan peralatan untuk mengorek longkang skupper dan menggunting pendek (trimming) rumput-rumpai yang menjalar di tepi jalan dan dalam longkang.
- 18.3 Membekalkan pekerja dan peralatan untuk memotong/memendekkan/meratakan bahu jalan/tepi jalan.
- 18.4 Membekalkan pekerja dan kenderaan untuk menyapu dan mengangkut rumput-rumpai dan sampah-sarap yang dipotong dan dibersihkan dan membuangnya di tempat pembuangan sampah.
- 18.5 Segala kerja pemotongan rumput hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya **2 kali sebulan** atau sehingga memuaskan hati Pegawai Pengguna atau wakilnya.

19.0 Mencantas Pokok (Prunning/ Trimming)

- 19.1 Membekal pekerja, alatan, perkakas dan sebagainya untuk mencantas pokok-pokok utama/ palma/ bunga dalam kawasan kontrak.
- 19.2 Perkakas atau alatan yang digunakan untuk tujuan mencantas hendaklah berkeadaan baik dan elok supaya tidak mencederakan atau merosakkan pokok semasa kerja-kerja mencantas dilakukan.
- 19.3 Pisau cantas, gunting gergaji boleh digunakan dengan syarat mendapat kelulusan dari Pegawai Pengguna atau wakilnya terlebih dahulu.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 19.4 Kontraktor diwajibkan dan dikehendaki berhubung dengan Pegawai Penguin terlebih dahulu sebelum mula mencantas/memangkas pokok bunga supaya dapat menentukan samada keratan-keratan pokok bunga diperlukan oleh Majlis Perbadaran Klang dan Kontraktor hendaklah menghantarnya ke Tapak Semaian Majlis Perbadaran Klang. Jika tidak sisa cantasan/ pangkasan perlu dibuang terus ke tapak pelupusan sampah selepas semua kerja telah selesai.
- 19.5 Memangkas hanya dijalankan jika pokok-pokok telah tumbuh elok dan subur (daun-daun telah rimbun). Memangkas perlu untuk membentuk pokok mengikut bentuk yang dikehendaki oleh pihak pengurusan Majlis. Pokok perlu dipangkas supaya sihat dengan membuang semua dahan yang mati, rosak diserang penyakit dan lain-lain. Pangkasan hendaklah dibuat sebulan sekali atau mengikut keperluan terutama pokok-pokok renek.
- 19.6 Pokok-pokok renek mestilah dibuat cantasan pada dahan-dahan yang kering.
- 19.6.1 Pokok renek yang telah tumbuh tidak kemas atau tumbuh menghalang laluan/ pandangan perlulah dipangkas. Walaubagaimanapun rupabentuknya seharusnya dikekalkan dalam bentuk asli.
- 19.6.2 Pokok renek yang digunakan sebagai pagar mesti dicantas ringan kerapkali iaitu 2 kali sebulan.
- 19.7 Pokok teduhan hendaklah dipangkas **sepuluh (10) kaki** dari aras tanah.
- 19.7.1 Semua tunas-tunas dan dahan-dahan yang tumbuh dibatang pokok di kawasan tersebut hendaklah dipangkas dan buang.
- 19.8 Segala kerja-kerja mencantas pokok hendaklah dilaksanakan ke tahap cantasan yang memuaskan hati Pegawai Penguin atau wakilnya.
- 19.9 Segala pokok/ dahan yang patah/ sekah/ tumbang/ mati perlulah dicantas/ ditebang/ dibersihkan serta-merta dengan kebenaran Majlis tanpa sebarang kos tambahan.
- 19.10 Bagi pokok-pokok renek yang mengeluarkan bunga, cantasan hendaklah dilakukan selepas musim pokok berbunga atau atas arahan Pegawai Penguin.
- 19.10.1 Apabila berlaku kecemasan bencana alam seperti dahan serakah atau pokok tumbang di dalam kawasan kontrak, pihak kontraktor hendaklah membersihkan dahan atau pokok tersebut tanpa sebarang harga tambahan daripada harga asal kontrak.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

20.0 Kerja Merumput (Weeding)

- 20.1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja merumput dalam kawasan kontrak.
- 20.2 Rumput-rampai dan rumpai yang hidup di atas batasan tanaman hendaklah dibuang secara ‘manual’ kesemua bahagian (termasuk akarumbi, akar rizom dan bahagian vegetatif) rumput-rumpai dan tumbuhan lain tidak boleh berada di dalam tanah. Merumput hendaklah dilakukan:-
 - 20.2.1 Bagi pokok kayu (trees) – 30 cm keliling batang pokok.
 - 20.2.2 Bagi pokok renik (shrubs) – 10 cm keliling batang pokok atau penghujung mengikut arahan Penguin.
 - 20.2.3 Bagi pokok tutup bumi dan rumput, semua rumput-rumpai atau tumbuhan lain hendaklah dicabut dan dibuangkan.
 - 20.2.4 Bagi kerja-kerja merumput ini hendaklah dilakukan **3 kali sebulan** atau sehingga memuaskan hati Pegawai Penguin atau wakilnya.
- 20.3 Rumput-rumpai yang telah dicabut hendaklah dibuangkan di tempat pembuangan sampah Majlis Perbandaran Klang dan kawasan batasan tanaman hendaklah sentiasa kemas dan bersih setiap kali habis kerja.
- 20.4 Semasa kerja-kerja merumput jika tanah daripada batas tanaman jatuh ke jalan secara tidak sengaja atau sengaja mengotorkan jalan, kontraktor hendaklah membersihkan kawasan yang ia kotorkan dengan segera.

21.0 Membaja

- 21.1 Membekalkan pekerja, alat-alatan, mesin-mesin, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja membaja di dalam kawasan kontrak.
- 21.2 Kerja-kerja membaja hendaklah dilakukan mengikut arahan daripada Pegawai Penguin atau wakilnya.
- 21.3 Kerja-kerja membaja mestilah mengikut jadual yang telah ditentukan oleh Pegawai Penguin atau wakilnya.
- 21.4 Segala peraturan-peraturan yang telah ditetapkan perlu diikuti semasa kerja-kerja pembajaan dilakukan.
- 21.5 Hendaklah dipastikan juga segala keselamatan dijaga semasa kerja-kerja pembajaan.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 21.6 Segala perkara yang berkaitan dengan kerja-kerja pembajaan, hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pegawai Pengguna atau wakilnya.

22.0 Menggembur Pasir Kawasan Alat Permainan

- 22.1 Membekal pekerja, peralatan, perkakas dan sebagainya untuk kerja-kerja penggemburan pasir di dalam kawasan kontrak.
- 22.2 Perkakas atau alatan yang digunakan untuk tujuan penggemburan hendaklah berkeadaan baik dan elok supaya tidak memasukkan keadaan pasir di permukaan.
- 22.3 Kontraktor diwajibkan dan dikehendaki berhubung dengan Pegawai Pengguna terlebih dahulu sebelum kerja-kerja penggemburan dilakukan supaya kerja-kerja penggemburan teratur dan kemas lagi bersih.
- 22.4 Kerja-kerja penggemburan perlu dilakukan dari masa ke semasa supaya kelihatan kemas, teratur dan bersih.
- 22.5 Segala sampah-sarap, daun-daun, rumput rumpai dan apa juar sampah mahu pun kekotoran hendaklah dibersihkan.
- 22.6 Bebendul (kerb) juga dibersihkan agar kelihatan bersih dan kemas. Rumput dan lain-lain sampah perlu dibuang supaya kelihatan bersih, kemas dan cantik.
- 22.7 Segala rumput-rumpai yang tumbuh perlu dicabut sehingga ke akar umbi supaya rumput tersebut tidak tumbuh lagi.
- 22.8 Selepas menggembur perlu diratakan supaya kelihatan kemas dan cantik.
- 22.9 Kerja-kerja penggemburan pasir hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya **2 kali sebulan**.
- 22.10 Perlu membersihkan taman permainan kanak-kanak dari sampah-sarap, daun, lumut, liken, rumput-rumpai serta kekotoran dari tanah dan pasir yang mengotorkan setiap hari
- 22.11 Menggemburkan dan meratakan pasir yang terdapat dikawasan permainan kanak-kanak.
- 22.13 Pastikan peralatan permainan kanak-kanak selamat digunakan.
- 22.14 Membuat laporan segera kepada pihak Pengurusan sekiranya terdapat kerosakan peralatan yang membahayakan pengguna.
- 22.15 Meracun rumput hendaklah dilakukan di kawasan berbatu di mana tidak membolehkan mesin rumput bagi tujuan pembuangan rumput (ditebing penghadang ombak/ tepi jejantas dan lain-lain seumpamanya).

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

22.16 Meracun di sepanjang tebing/ 'rubber wall'.

22.17 Meracun di pejalan kaki di atas tebing (pavers) dan di bawah.

22.18 Kerja-kerja meracun perlu dilakukan setiap kali ada rumput atau tumbuhan yang tumbuh di kawasan berkenaan.

23.0 Meracun

22.1 Meracun rumput hendaklah dilakukan di kawasan berbatu di mana tidak membolehkan mesin rumput bagi tujuan pembuangan rumput (ditebing penghadang ombak/ tepi jejas dan lain-lain seumpamanya).

22.2 Meracun di sepanjang tebing/ 'rubber wall'.

22.3 Meracun di pejalan kaki di atas tebing (pavers) dan di bawah.

22.4 Kerja-kerja meracun perlu dilakukan setiap kali ada rumput atau tumbuhan yang tumbuh di kawasan berkenaan.

24.0 Kekerapan Kerja

24.1 Kekerapan kerja pembersihan sampah hendaklah dijalankan seperti berikut:-

24.1.1 Menyapu jalan termasuk sampah bertaburan dibahu jalan, sampah-sarap seperti kertas, plastik, tin hendaklah dilakukan setiap hari.

24.1.2 Membersihkan pondok/ wakaf/ gazebo setiap hari.

24.1.3 Sampah dari tong-tong sampah dibersihkan setiap hari.

24.1.4 Sampah dari pemotongan rumput – setiap kali habis kerja.

24.1.5 Sampah dari mencantas pokok – setiap kali habis kerja.

24.1.6 Sampah dari longkang – setiap kali habis kerja.

24.2 Pada keseluruhannya kawasan hendaklah dibersihkan setiap kali selesai kerja bagi setiap jenis kerja.

24.3 Pembersihan Longkang

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Kesemua longkang skupper/ longkang 1 kaki dan kurang/ longkang dalam kawasan kontrak hendaklah dibersihkan setiap hari atau sehingga tiada halangan untuk air mengalir.

24.4 Kerja- kerja yang tersebut di atas hendaklah dilakukan seperti yang diarahkan mengikut kehendak Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang, termasuk hari Ahad dan hari-hari Kelepasan Am lain.

24.5 Pemotongan Rumput

24.5.1 Kontraktor hendaklah memotong semua rumput-rumpai dalam kawasan kontrak dan memastikan rumput tidak melebihi panjang 2 cm dari paras tanah.

24.5.2 Longkang skupper (scupper drains) yang sediada hendaklah diselenggarakan dengan membuang rumput yang terdapat di dalamnya serta dijalankan ketika kerja pemotongan rumput sedang dilaksanakan. Yang DiPertua atas budibicaranya mempunyai kuasa mengarahkan Kontraktor untuk membuka longkang skupper (scupper drains) dimana-mana tempat jika terdapat air bertakung selepas hujan turun dan pihak Kontraktor perlu membersihkannya sehingga air dapat mengalir.

24.5.3 Rumput-rumpai yang menjalar masuk ke tepi-tepi jalan hendaklah dicabut oleh Kontraktor dan semua rumput serta batu-bata dibuang daripada kawasan tersebut. Kerja ini hendaklah dijalankan ketika kerja-kerja pemotongan rumput sedang dilaksanakan.

24.6 Pemungutan Rumput Dan Pembentukan Bahu Jalan

24.6.1 Kontraktor hendaklah membuang kesemua rumput yang dipotong dari tempat berkenaan supaya kawasan itu kemas dan rapi (**SEBARANG PEMBAKARAN RUMPUT-RAMPAI ATAU SAMPAH-SARAP TIDAK DIBENARKAN**) dalam kawasan rezab jalan/ berdekatan dengan bangunan/ premis, kawasan lapang/ hijau dan kawasan-kawasan lain di dalam kontrak.

24.6.2 Kontraktor hendaklah mengangkat dan membuang kesemua sampah-sarap dari kawasan kerja termasuk batu, kerikil, batu runtuhan, sampah kebun, tin botol, kertas beg plastik, kotak, tayar dan sebagainya dan apa-apa yang dibuang dengan sebarangan atas bahu jalan agar kawasan itu berada dalam keadaan kemas dan rapi.

24.6.3 Kontraktor hendaklah membenarkan dalam tender ini kerja-kerja kecil seperti membentuk, mengurangkan dan menyamaratakan bahu jalan yang jikalau tidak, akan menghalang perjalanan mesin potong rumputnya. Tuntutan bayaran lebih tidak akan dilayan terhadap kerja-kerja tersebut.

24.7 Kerja-Kerja Merumput Di Atas Ubin Silang Kunci

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

24.7.1 Rumput-rampai yang tumbuh di atas silang kunci hendaklah dicabut/ dibuang/ diracun dan dibersihkan.

25.0 Spesifikasi Kerja-Kerja Penyediaan Tapak Secara Menggembur Bagi Maksud Kerja-Kerja Penyelenggaraan

25.1 Kerja-kerja penyediaan tapak secara menggembur dilakukan dua (2) kali setiap bulan secara automatik tetapi dilakukan sebelum kerja-kerja membaja seperti arahan Majlis.

25.2 Bidang Kerja

25.2.1 Menggembur disekeliling pokok besar dan pokok renek untuk penyediaan membaja.

25.2.2 Kerja-kerja ini **termasuk kerja membaja dimana baha ada dibekalkan oleh Majlis mengikut arahan** (jika perlu).

25.3 Semua kerja menggembur hendaklah disiapkan pada jangkamasa yang ditetapkan. Satu notis hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan Kontraktor tanpa halangan hendaklah menyiapkan kerja-kerja menggembur dan membaja pada tarikh yang ditetapkan.

25.4 Menggembur

Kerja-kerja menggembur ini dijalankan kepada pokok-pokok utama dan pokok renek dan tidak termasuk pokok-pokok yang telah matang dan stabil.

25.4.1 Pokok Utama/ Palma

2.5.4.1.1 Menggembur sedalam 150mm x 300mm lebar disekeliling pangkal pokok atau kawasan seperti arahan Pegawai Pengguna.

25.4.2 Pokok Renek

25.4.2.1 Menggembur sedalam 150mm x 100mm lebar disekeliling pokok atau seperti arahan Pegawai Pengguna.

25.4.2.2 Kontraktor hendaklah memastikan dan mengambil langkah berjaga-jaga semasa membuat kerja-kerja di atas batas tanaman dan pokok penutup bumi agar mengurangkan kerosakkan teruk ke atas pokok-pokok.

25.5 Kebersihan Kawasan

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

25.5.1 Semua batu, sampah dan kotoran lain hasil dari kerja-kerja menggembur hendaklah diambil dan dibersihkan dari kawasan kerja pada hari yang sama.

25.5.2 Peralatan

25.5.2.1 Hanya assam atau garpu taman (garden forks) dibenarkan untuk kerja menggembur.

25.5.2 Alatan selain daripada 24.5.2.1 hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengguna sebelum digunakan.

25.6 Kerosakkan/ Kematian Pokok

25.6.1 Kontraktor dan pekerjanya hendaklah menggemburkan tanah dengan teliti dan berhati-hati semasa kerja berjalan.

25.6.2 Apa-apa kerosakkan atau kematian pokok akibat proses ini, Kontraktor hendaklah mengadakan atau menggantikan dengan spesies, saiz dan bentuk yang sama dengan **atau** pihak Majlis hendaklah mengenakan bayaran mengikut kerosakkan pada harga pasaran semasa.

26.0 Sampah Tidak Terjatuh Atau Tercicir

26.1 Kontraktor hendaklah mempastikan tidak ada apa-apa sampah atau bahan yang diangkut dari kawasan kerja ke tapak pembuangan tercicir, bocor, tumpah, tiris dan sebagainya ke atas mana-mana jalanraya awam atau mana-mana juga tempat semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan. Kontraktor juga hendaklah mengambil tanggungan dan meneliti supaya mengutip sampah-sarap dengan plastik, terpaulin atau barang penutup lain semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan sampah yang diiktiraf oleh Yang Dipertua.

27.0 Lawatan Dan Pemeriksaan Ke Kawasan Kerja

27.1 Kontraktor hendaklah melawat dan memeriksa kawasan-kawasan penyelenggaraan dan berpuashati terhadap keadaan semulajadi dan jenis pekerjaan dalam kontrak ini. Sebarang tuntutan bayaran lebihan atau sebaliknya daripada jumlah yang dipersetujui tidak dibenarkan jika kontrak ini sudah salah anggaran atau tersalah kira oleh pihak Kontraktor.

27.2 Lawatan kawasan kerja hendaklah dijalankan oleh Pegawai Pengguna dan Kontraktor untuk **mengesahkan kerja-kerja yang dijalankan dari masa ke semasa.**

27.3 Semasa lawatan Kontraktor hendaklah menyediakan laporan lawatan dan ditandatangani oleh Kontraktor dan Pegawai Pengguna pada hari yang sama.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 27.4 Segala kecacatan yang disebabkan secara sengaja atau tidak sengaja oleh Kontraktor boleh mengakibatkan Kontraktor dikenakan tindakan seperti perkara 32.
- 27.5 Lawatan Pegawai Penguasa atau wakil untuk membuat pemeriksaan kawasan kerja hendaklah dilakukan dari masa ke semasa. Segala peringatan dan arahan hendaklah dilakukan/ diambil tindakan dengan kadar segera.
- 27.6 Pihak penyelia MPK yang mengawasi kontraktor yang akan dilantik akan membuat lawatan tapak bersama dengan pihak kontraktor atau wakilnya untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut jadual yang telah dipersetujui oleh penyelia kepada pihak kontraktor atau wakilnya terhadap prestasi kerja yang telah dilaksanakan.
- 27.7 Untuk tujuan tersebut satu ukuran penilaian prestasi telah disediakan kepada pihak kontraktor untuk memudahkan pihak penyelia menilai tahap prestasi kontraktor serta pihak kontraktor mengetahui tahap yang diterima oleh pihak klien.

28.0 Buruh Dan Peralatan Kerja

- 28.1 Kontraktor hendaklah mengadakan pekerja-pekerja, alat-alatan, kenderaan-kenderaan, lori-lori dan jentera-jentera yang sesuai dan mencukupi bagi kerja-kerja yang hendak dijalankan dibawah kontrak ini dengan perbelanjaan sendiri. **Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam, sarung tangan dan kasut yang sesuai dan lain alat keselamatan kepada pekerja-pekerja mereka. Warna pakaian seragam tersebut hendaklah berbeza daripada warna yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Klang.** Kegagalan mematuhi arahan pemberian pakaian seragam menyebabkan bayaran akan **ditolak 10% dari harga kontrak setiap bulan sehingga penggunaan pakaian seragam digunakan oleh semua pekerja.**
- 28.2 Bagi maksud kesempurnaan menjalankan kerja-kerja tersebut Kontraktor hendaklah mempastikan segala peralatan, kenderaan, lori dan jentera-jentera yang dimaksudkan itu sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan di tempat-tempat/ jalan-jalan awam.
- 28.3 Penyelenggaraan landskap adalah memerlukan pengetahuan teknikal bagi memastikan pengurusan dapat diuruskan dengan berjaya. Oleh itu beberapa keperluan teknikal diperlukan adalah:-
 - 28.3.1 Hortikultur.
 - 28.3.2 Kerja-kerja sivil.
 - 28.3.3 Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal.
- 28.4 Staff yang berkelayakan diperlukan bagi memastikan semua kerja yang dikehendaki dapat dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang telah

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

ditetapkan. Penyelia atau wakil kontraktor mesti mereka yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman menguruskann kerja ditapak dengan baik.

- 28.5 Kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja yang telah ditetapkan jumlahnya seperti di dalam 'Bill of Quantity' sentiasa ada di tapak. Kegagalan pekerja-pekerja semasa waktu kerja, Kontraktor boleh dikenakan denda seperti Lampiran 1.**

29.0 Pengawasan Kontraktor

- 29.1 Organisasi Pengurusan Penyelenggaraan.

29.1.1 Penyelenggaraan lanskap merupakan **labour-intensive**.

29.1.2 Penggunaan pekerja yang mahir akan dapat meningkat kecekapan dan keberkesanan kerja yang memerlukan kepakaran. Kerja-kerja am boleh dilakukan oleh pekerja separa mahir atau tidak mahir.

29.1.3 Penyelia perlu dilantik dari mereka yang mahir serta mempunyai pengetahuan yang diperlukan bagi mengurus, mengatur serta mengawasi kerja yang perlu dilaksanakan mengikut spesifikasi. Kemahiran berkomunikasi dan skill mengurus sangat membantu di dalam kerja-kerja penyeliaan.

29.1.4 Kebajikan pekerja adalah perlu sediakan bagi memberi galakkan serta motivasi di dalam bekerja seperti bonus, tempat tinggal, pengangkutan dan seumpamanya. Aspek keselamatan perlu diberikan perhatian bagi memastikan setiap pekerja dilindungi dari sebarang risiko yang boleh menyebabkan kecederaan atau musibah semasa menjalankan kerja. Perlu mematuhi Akta Buruh dan lain-lain peraturan yang berkaitan yang menjadi syarat menjalankan kerja.

- 29.2 Mesin Dan Peralatan Penyelenggaraan

29.2.1 Mesin dan peralatan penyelenggaraan adalah merupakan pelaburan yang besar di dalam penyelenggaraan lanskap. Penggunaan mesin dapat membantu mempercepatkan kerja serta meningkatkan mutu kerja. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan bagi penggunaan mesin ialah:-

29.2.1.1 Jenis kerja penyelenggaraan.

29.2.1.2 Keluasan/ saiz kawasan penyelenggaraan.

29.2.1.3 Kehendak/ keperluan spesifikasi kerja.

29.2.1.4 Modal

29.2.2 Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kontrak ini, Kontraktor hendaklah melantik seorang wakil atau agen yang bertanggungjawab dalam

Majlis Perbandaran Klang

Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

apa-apa hal mewakili Kontraktor semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang diberi kepada wakil itu oleh Pegawai Pengguna atau wakilnya hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada Kontraktor.

30.0 Kerja-Kerja Yang Tidak Memuaskan

- 30.1 Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang pada bila-bila masa mempunyai budibicara meminta mana-mana pekerja Kontraktor diberhentikan kerja jika Yang DiPertua berpendapat bahawa pekerja itu tidak sesuai bekerja dengan Kontraktor.

31.0 Gangguan/ Keselamatan

- 31.1 Kontraktor hendaklah mempastikan tidak ada sebarang halangan atau gangguan kepada orang awam semasa melaksanakan kerja-kerja tersebut. Kontraktor dikehendaki menggunakan papantanda keselamatan yang diluluskan dan mematuhi/ melaksanakan langkah-langkah keselamatan seperti dikuatkuasakan dalam undang-undang, peraturan-peraturan yang sedia ada semasa membuat kerja-kerja di kawasan jalan.

32.0 Gotong-Royong

- 32.1 Kontraktor kawasan yang terlibat perlulah bersama-sama menjayakan aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh Majlis sekiranya ada tanpa sebarang kos tambahan.
- 32.2 Pihak Kontraktor perlu menyediakan pekerja/ peralatan dan lain keperluan ketika gotong-royong tersebut.
- 32.3 Kegagalan Kontraktor boleh didenda seperti Lampiran 1.

33.0 Tempoh Kontrak

- 33.1 Kontrak ini berkuatkuasa bagi tempoh dua tahun campur satu tahun (2+1) bergantung kepada ulasan Jabatan dan kelulusan Pengurusan Tertinggi Majlis.
- 33.2 Kontraktor yang gagal atau didapati **tidak menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan** dengan memuaskan, pihak Yang DiPertua **Majlis Perbandaran Klang** boleh menamatkan tempoh kontraknya pada bila-bila masa.
- 33.3 Kontrak ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kerja (Lampiran 3) yang baik dan harga baru secara perundingan pihak Kontraktor yang ingin memohon lanjutan kontrak ini hendaklah mengemukakan kepada Yang DiPertua selewatnya enam (6) bulan sebelum tamat kontrak.
- 33.4 Semua Kontraktor hendaklah menghantar 'cover note' insurans dalam masa 1 bulan dari tarikh surat tawaran. Sebarang kelewatan penghantaran insurans akan didenda sebanyak 10% per bulan dari harga kontrak.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 33.5 Semua Kontraktor hendaklah menghantar apa jua dokumen yang diperlukan oleh Majlis dalam masa yang ditetapkan. Kelewatan akan didenda seperti Lampiran 1.

34.0 Pembayaran

- 34.1 Pembayaran kepada Kontraktor hendaklah dibuat **secara bulanan selepas Yang DiPertua mendapat kerja-kerja yang dijalankan adalah sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat bahawa Yang DiPertua atau wakil boleh atas budibicaranya membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja yang dijalankan itu memuaskan atau tidak dibuat langsung.**

- 34.2 Kadar potongan bayaran ialah seperti berikut:-

34.2.1 Kaedah NTC yang dikeluarkan

- i. **NTC Pertama**,akan dikeluarkan kepada syarikat yang gagal melaksanakan teguran yang dibuat oleh Jabatan sebanyak 3 kali.
- ii. **NTC Kedua**,akan dikeluarkan kepada kontraktor yang melaksanakan teguran yang dibuat dalam tempoh 7 hari yang diberikan.
- iii. **NTC Ketiga**,akan dikeluarkan kepada kontraktor yang tidak mengambil apa-apa tindakan di atas teguran yang ada pada NTC pertama dan kedua. Surat penamatkan serta merta akan dikeluarkan.

34.2.2 Jika sesuatu kerja itu gagal disempurnakan seperti dikehendaki, suatu **DENDA AKAN DIKENAKAN BAGI SETIAP JENIS KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN PADA MASA PEMERIKSAAN DIJALANKAN.**

34.2.3 Kadar denda lewat siap kerja adalah seperti di Lampiran 1.

35.0 Penamatkan Kontrak

- 35.1 Kontrak ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan memberi **satu bulan notis secara bertulis tanpa sebarang pampasan ganjaran.**

36.0 Penyerahan Notis Daripada/ Kepada Kontraktor

- 36.1 Apa-apa notis yang hendak diserahkan kepada Kontraktor di bawah kontrak ini hendaklah diserahkan dengan cara menghantarkannya samada melalui pos berdaftar atau hantaran dengan tangan kepada tempat perniagaan berdaftar Kontraktor/pejabat atau lain-lain alamat sebagaimana yang dinyatakan oleh Kontraktor dari masa ke semasa. **Penukaran alamat oleh Kontraktor hendaklah diberitahu secara bertulis kepada Yang DiPertua dalam tempoh TUJUH (7) hari daripada tarikh penukaran.**

37.0 Mesyuarat Dan Laporan Bulanan

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

37.1 Mesyuarat Bulanan

37.1.1 Mesyuarat bulanan diadakan bagi menyelaras serta memantau prestasi kontraktor yang telah dilantik. Ahli mesyuarat terdiri daripada:-

37.1.1.1 Pengarah Taman dan Rekreasi.

37.1.1.2 Penolong Pegawai Pertanian.

37.1.1.3 Kontraktor.

37.1.1.4 Urusetia.

37.2 Laporan Bulanan

37.2.1 Semua laporan bulanan bergambar hendaklah dihantar pada minggu pertama bagi setiap bulan. Kelewatan penghantaran tersebut akan menyebabkan denda seperti lampiran dari bayaran bulan. Ini bertujuan bagi memudahkan segala urusan pembayaran kepada Kontraktor terlibat.

37.2.2 Mestilah mempunyai format tampil gambar yang betul. Laporan hendaklah dihantar 2 kali/ bulan iaitu pertama pada minggu ke – 3 setiap bulan dan kedua dihantar bersama-sama tuntutan setiap bulan (minggu pertama). Gambar juga haruslah bertarikh yang betul.

38.0 Pecah Kontrak

38.1 Dalam sebarang pemecahan mana-mana stipulasi terkandung dalam kontrak ini yang mana untuk diberi perhatian yang dilakukan atau gagal dijalankan oleh Kontraktor mengikut kepuasan Yang DiPertua. Yang DiPertua berhak melakukan kerja-kerja itu sendiri atau melantik mana-mana Kontraktor yang difikirkan perlu dan kos tambahan daripada melaksanakan kerja-kerja tersebut jika ada hendaklah ditanggung oleh Kontraktor dan kos tambahan daripada melaksanakan kerja-kerja tersebut jika ada, ditanggung oleh Kontraktor dan kos tambahan itu bolehlah dipotong oleh Yang DiPertua daripada mana-mana jumlah bayaran yang kena bayar atau akan kena dibayar kepada Kontraktor.

39.0 SUB-Kontrak

39.1 Kontraktor **TIDAK BOLEH** pada bila-bila masa memajakkan, sub-kontrak atau melepaskan kesemua atau sebahagian dari kontrak ini kepada orang lain tanpa kebenaran bertulis Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang.

40.0 Pampasan Kerja

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 40.1 Kontraktor hendaklah dalam masa **TUJUH HARI** daripada tarikh pemberitahuan tendernya telah diterima atau dalam mana-mana tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan secara bertulis oleh Yang DiPertua dan sebelum dokumen-dokumen kontrak ditandatangani akan mengambil dengan mana-mana Syarikat Insuran yang diluluskan oleh Yang DiPertua, satu polisi insuran yang sah dan memuaskan hati Yang DiPertua, mengimbuhkan (indemnifying) Yang DiPertua terhadap tanggungan bagi semua dan mana-mana tuntutan-tuntutan untuk gantirugi, pampasan, denda atau hukuman yang boleh dikenakan bayaran oleh Yang DiPertua di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952 atau mana-mana pindaan atau enakmen semula atau mana-mana status berkenaan dengan pampasan atau kemalangan (dan jika dikehendaki termasuk juga liputan tanggungan di bawah ‘Common Law’ atau di bawah Ordinan Undang-Undang Sivil Bab 42 dan tuntutan pihak ketiga) yang timbul daripada atau berkaitan dengan kerja-kerja Kontraktor ini dan hendaklah dalam masa tersebut mengemukakan untuk diperiksa dan disahkan dan jika dikehendaki, meninggalkan polisi dan resit bayaran premium dengan Yang DiPertua untuk dipegang oleh Yang DiPertua. Jika Kontraktor gagal berbuat demikian, Yang DiPertua boleh menganggap tender dan penerimaan kontrak sebagai tamat dan tender yang baru atau mengambil mana-mana Kontraktor yang lain atau mana-mana pekerja lain untuk menjalankan kerja dan boleh mendapatkan daripada Kontraktor itu semua perbelanjaan atas kerugian atau kerosakan termasuk yang mana-mana kelebihan dalam harga kontrak yang baru atau kadar yang ditender oleh Kontraktor.

41.0 Imbuhan (Indemnity)

- 41.1 Kontraktor hendaklah sentiasa mengimbuh Yang DiPertua terhadap semua tuntutan untuk gantirugi, pampasan atau lain-lain hukuman yang timbul daripada atau mengenai kerja-kerja yang dijalankan di bawah kontrak ini pada masa menandatangani kontrak ini. Tatkala menandatangani kontrak ini Kontraktor hendaklah mengambil satu polisi insuran yang diluluskan oleh Yang DiPertua terhadap apa-apa tanggungan untuk tempoh kontrak ini.

42.0 Pertaruhan Jaminan

- 42.1 Sebagai satu jaminan supaya kontrak ini dijalankan dengan sempurna, Kontraktor hendaklah meletakkan wang pertaruhan **sebanyak 5% daripada jumlah harga kontrak** sebelum atau pada masa menandatangani kontrak ini atau **secara alternatifnya mengemukakan Jaminan Bank sebanyak jumlah tersebut** bagi dipegang oleh Yang DiPertua dan jumlah ini hendaklah dikembalikan kepada Kontraktor sekurang-kurangnya enam bulan selepas kerja-kerja yang memuaskan dibawah kontrak ini dijalankan. Tiada sebarang faedah akan dibayar oleh Yang DiPertua ke atas wang pertaruhan tersebut.
- 42.2 Sekiranya Kontraktor (kecuali dilepaskan oleh mana-mana peruntukan perjanjian ini atau oleh status atau oleh keputusan Badan Pengadilan yang mempunyai bidang kuasa) dalam mana-mana keadaan gagal untuk melaksanakan kontrak ini atau tidak

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

menjalankan mana-mana tanggungjawabnya seperti yang disebutkan di dalam perjanjian ini, Yang DiPertua hendaklah berhak merampas wang jaminan sebahagian atau sepenuhnya.

43.0 Penambahan Atau Pengurangan Kerja

- 43.1 Dalam hal semasa tempoh kontrak ini terdapat penambahan/ pengurangan kerja-kerja daripada yang ditetapkan, Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan untuk melaksanakan kerja-kerja tambahan/ menerima pengurangan hendaklah dibuat oleh Yang DiPertua atas dasar pro-rata berhubung dengan jumlah penambahan/ pengurangan kerja tersebut.
- 43.2 Dalam hal semasa tempoh kontrak ini, Majlis Perbandaran Klang berhak menambah bilangan pelbagai jenis pokok bunga dalam mana-mana kawasan kontrak pada bila-bila masa dan Kontraktor diwajibkan serta dikehendaki menyelenggaraan sebagai tugas/ kerja harian dengan pembayaran tambahan yang dikira dan difikirkan sesuai oleh Majlis.
- 43.3 Dalam hal semasa tempoh kontrak ini, sesuatu kawasan dalam mana-mana kawasan kontrak kerja penyelenggaraan tidak dapat dijalankan **LEBIH DARIPADA 2 BULAN** pihak kontraktor boleh dikenakan tindakan seperti perkara 32.

44.0 Pembuangan Sampah/ Rumput Yang Sudah Dipotong

- 44.1 Kontraktor hendaklah membuang segala sampah/ rumput yang telah dipungut ke tempat pembuangan yang ditetapkan oleh Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Klang.

45.0 Pengangkutan Sampah/ Rumput Yang Sudah Dipotong

- 45.1 Kontraktor hendaklah mengambil tanggungan dan meneliti sampah/ rumput yang dipotong dan diangkut dan semasa perjalanan tidak akan tercicir atau tumpah dengan apa-apa cara yang boleh memberi kacau ganggu kepada awam dan dibawa dengan selamat ke tempat pembuangan. Kontraktor juga hendaklah mengambil tanggungan dan meneliti supaya sampah/ rumput yang dipotong ditutup dengan plastik atau barang-barang penutup semasa dalam perjalanan ke tempat pembuangan.

46.0 Masa Bekerja

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

- 46.1 Kontraktor hendaklah memastikan bilangan pekerja yang mencukupi dibekalkan setiap hari di tempat kerja kawasan kontrak. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja dibawah kontrak ini tidak lewat daripada pukul 7.30 pagi atau seperti diarahkan oleh Yang DiPertua atau wakilnya.

47.0 Maklumat Kerja

- 47.1 Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja ini boleh didapati seperti berikut:-

**JABATAN TAMAN DAN REKREASI
MAJLIS PERBANDARAN KLANG,
ARAS BAWAH, LOT 6-8,
JALAN RAYA BARAT,
41000 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.**

48.0 Maklumat Tambahan Kontraktor Petender

- 48.1 Kontraktor hendaklah memasukkan segala butir-butir sepetimana yang dikehendaki dalam borang Maklumat Tambahan Petender yang disertakan bersama spesifikasi ini dan dikembalikan sekali kelak bersama dengan Lampiran "B" dan Borang Kadar Harga (**Lampiran "A"**).

Disediakan oleh: En. Zulkifli bin Alias; Penolong Pegawai Pertanian; T/t:

Disemak oleh : En. Dawari Bin Daud Pengarah Taman & Rekreasi; T/t:

Diluluskan oleh : Puan Elya Marini Binti Darmin; Wakil Pengurusan; T/t:

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

LAMPIRAN 1

Kerja-Kerja Penyelenggaraan Lanskap Lembut Dan Lanskap Kejur Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Untuk Majlis Perbandaran Klang.

RINGKASAN DENDA YANG DIKENAKAN

Kod NTC	Jenis-jenis Kesalahan	Kadar Denda / Penalti
Kebersihan kawasan		
1.1	Tiada Pekerja di tapak semasa lawatan	RM 100.00
1.2	Tidak menggunakan beg plastik sampah berwarna cerah	RM 300.00
1.3	Bungkusan sampah tidak dibuang pada hari yang sama	RM 200.00
1.4	Tong sampah tidak bersih	RM 200.00
1.5	Bahu jalan / kerb tidak bersih	RM 200.00
1.6	Tidak membersih sampah pukal dan domestic	RM 300.00
Pembersihan longkang/Scupper Drain		
2.1	Terdapat sampah/ kotoran di dalam longkang	RM 200.00
2.2	Scupper Drain Sumbat	RM 200.00
2.3	Main hole tidak dibersihkan	RM 200.00
Pemotongan rumput		
3.1	Panjang rumput melebihi 2cm dari tanah	RM 200.00
3.2	Sisa potongan rumput tidak dibersihkan	RM 200.00
Mencantas pokok		
4.1	Pokok utama (10 kaki ke atas) tidak dipangkas 7 kaki dari tanah	RM 200.00
4.2	Sisa pangkasan/ cantasan tidak dibersihkan pada hari yang sama	RM 200.00
4.3	Tunas pokok utama tidak dibuang (7 kaki dari tanah)	RM 200.00
4.4	Pelepah kering pokok palma tidak dibuang dari pokok	RM 200.00
4.5	Pelepah jatuh tidak dibersihkan	RM 200.00
4.6	Tidak membersihkan pokok/ dahan sekah/ patah/ tumbang pada hari kejadian	RM 200.00
4.7	Tidak menjalankan kerja pangkasan / membentuk pokok	RM 200.00
Merumput		
5.1	Kerja merumput tidak dibuat	RM 200.00
5.2	Sisa merumput tidak dibersihkan	RM 200.00
5.3	Tidak menggunakan peralatan yang sesuai	RM 100.00

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Menggembur

6.1	Kerja menggembur tidak dibuat	RM 200.00
6.2	Tidak menggunakan peralatan yang sesuai	RM 100.00

Lain-lain

7.1	Pekerja tidak memakai pakaian seragam	RM 200.00
7.2	Gagal hadir mesyuarat bulanan	RM 300.00
7.3	Gagal menjawab / menyelesaikan NTC	Mengikut kod kesalahan NTC
7.4	Aduan awam yang didapati benar disebabkan kerja tidak dibuat oleh kontraktor	20% Dari Harga Kontrak
7.5	Lewat hantar tuntutan bayaran (selepas minggu pertama bulan berikutnya)	RM 300.00/sebulan
7.6	Laporan bulanan (tuntutan bayaran) tidak bergambar	RM 200.00
7.7	Gambar laporan bulanan tidak bertarikh / kurang jelas	RM 200.00
7.8	Tidak menghadiri lawatan tapak	RM 300.00
7.9	Tidak mengetik kad perakam waktu seminggu sekali	RM 100.00

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

LAMPIRAN 2

Lanskap Lembut & Kejur (Sivil).

Bil:	Aktiviti	Kekerapan	Catatan
Penyelenggaraan Lanskap Lembut & Kebersihan Kawasan			
1.	Potong rumput	2 kali sebulan	Seluruh kawasan dalam kontrak
2.	Cantas pokok	1 kali sebulan	Semua pokok utama dan renek dalam kontrak kawasan
3.	Menggembur pasir	4 kali sebulan	Semua kotak pasir dan kawasan permainan dalam kontrak
4.	Membersih kawasan dan tong dan sampah	Setiap hari	Seluruh kawasan dalam kontrak kawasan
5.	Kebersihan longkang/ parit	Setiap hari	Seluruh kawasan dalam kontrak kawasan
6.	Mencuci lantai, jubin Terazzo & tembok	1 kali sebulan	Seluruh kawasan yang berjubin & bertembok dalam kontrak
7.	Mencabut rumput di batas tanaman dan pejalanan kaki	1 kali sebulan	Seluruh kawasan dalam kontrak kawasan
8.	Menggembur tanah	4 kali sebulan	Sekeliling pokok renek dan utama dalam kontrak
9.	Menyiram	2 kali sebulan	Semua pokok yang ada dalam kontrak
10.	Membaja Organik	4 kali sebulan	Semua pokok utama, palma, renek dan rumput dalam kontrak
11.	Membaja kimia (NPK)	6 kali setahun	Semua pokok utama, palma, renek dan rumput dalam kontrak
12.	Meracun kulat, serangga dan siput	1 kali sebulan	Semua pokok utama, palma, renek, mengikut sukaan yang sesuai dalam kontrak
13.	Meletak sungkupan	3 kali setahun	Semua pokok utama, palma dan renek dalam kontrak
Penyelenggaraan Alatan Permainan & Sivil			
14.	Memeriksa dan membuat laporan kerosakan semua alatan permainan dan sivil	1 kali sebulan	Semua alatan sivil dan permainan dalam kontrak
15.	Menggris atau meminyak bahagian alatan yang bergerak	1 kali sebulan	Semua alatan sivil dan permainan dalam kontrak
16.	Mengelap tanglung lampu dan papan tanda pemberitahu	1 kali sebulan	Semua lampu dalam kontrak

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Bil:	Aktiviti	Kekerapan	Catatan
Penyelenggaraan Lanskap Lembut & Kebersihan Kawasan			
17.	Mengecat alatan permainan, tempat duduk, tiang lampu, wakaf/pondok	1 kali sebulan	Semua alatan, lampu, yang terdapat dalam kontrak
18.	Mengecat skru yang longgar pada semua alatan lampu dan membuang alatan yang rosak	1 kali sebulan	Semua alatan dan struktur sivil yang terdapat dalam kontrak

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

LAMPIRAN 3

PENILAIAN PRESTASI KONTRAKTOR

Bil:	Faktor Penilaian Prestasi	GRED BERDASARKAN INDICATOR			
		A	B	C	D
2	Program kerja				
a)	Pemotongan rumput	14 hari satu pusingan dan kebersihan kemasan yang dipotong	14 hari sekali tetapi kurang bersih	Lebih 14 hari satu pusingan dan tidak mematuhi kebersihan	Lebih 20 hari
b)	Mencantas pokok renek dan utama	Mematuhi jadual dan mematuhi kaedah cantasan serta kemas	Mematuhi jadual tetapi kurang kemas	Tidak mematuhi jadual tetapi kurang kemas	Teruk dan tidak mematuhi jadual
c)	Menggembur pasir	Mematuhi jadual dan mematuhi kaedah menggembur pasir	Mematuhi jadual tetapi kurang kemas	Tidak mematuhi jadual tetapi kurang kemas	Teruk dan tidak mematuhi jadual
d)	Membersih kawasan dan tong sampah	Sampah sentiasa dibuang setiap hari	Lebih 1 hari sampah tidak dipungut untuk dibuang	Lebih 7 hari	Lebih 1 minggu
e)	Membersih longkang dan parit	Pembersihan mengikut jadual dan tiada sampah atau rumput di dalam parit setiap masa	Pembersihan ikut jadual tetapi terdapat sampah atau rumput di dalam parit	Tidak ikut jadual terdapat sampah atau rumput	Tidak buat
f)	Mencuci lantai, jubin dan tembok	Ikut jadual dan bersih	Ikut jadual tetapi tidak bersih	Tidak ikut jadual dan tidak bersih	Tidak buat
g)	Merumput dibatas tanaman dan pejalanan kaki	Ikut jadual dan bersih	Ikut jadual tetapi terdapat rumput	Tidak ikut jadual dan terdapat rumput	Tidak buat

Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Bil:	Faktor Penilaian Prestasi	GRED BERDASARKAN INDICATOR			
		A	B	C	D
h)	Menggembur tanah	Ikut jadual dan tanah digembur ikut kaedah	Ikut jadual tetapi tanah tidak digembur dengan sempurna	Tidak ikut jadual	Tidak buat
i)	Menyiram pokok dan rumput	Ikut jadual dan menyiram dengan sempurna	Ikut jadual tetapi sempurna	Ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak buat
j)	Pembajaan dan meracun	Ikut jadual dilakukan dengan kaedah yang betul	Ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak buat
k)	Meletak sungkupan	Ikut jadual dan dilakukan dengan sempurna	Ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak buat
l)	Menggris dan minyakkan peralatan	Ikut jadual dan dilakukan dengan betul sempurna	Ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak buat
m)	Mengecat alatan, wakaf, pokok, dan tiang lampu	Ikut jadual dan dilakuakn sempurna	Ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak ikut jadual tetapi tidak sempurna	Tidak buat
3	Lain-lain				
a)	Kehadiran mesyuarat tapak	Tuan punya lesen	Wakil	Sekali	Lebih 5 kali tidak datang
b)	Arahan-arahan SO atau wakilnya	Mengikut masa yang ditetapkan	Lebih 1 minggu	Lebih 2 minggu	Tidak buat
c)	Aduan Awam	Dilakukan serta merta	Lebih 24 jam	Lebih 72 jam	Tidak buat

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Lanskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Dibatalkan:

28.0 Buruh Dan Peralatan Kerja

- 28.3 Semua pakaian seragam untuk pekerja hendaklah dibuat rekabentuk dan warna untuk dilampirkan dalam buku dokumen.
- 28.4 Pihak Kontraktor juga perlu menyediakan karung sampah yang mudah dikenalpasti milik Kontraktor seperti karung sampah bercop syarikat
- 28.5 Penyelenggaraan lanskap adalah memerlukan pengetahuan teknikal bagi memastikan pengurusan dapat diuruskan dengan berjaya. Oleh itu beberapa keperluan teknikal diperlukan adalah:-
 - 28.5.1 Hortikultur.
 - 28.5.2 Kerja-kerja sivil.
 - 28.5.3 Kerja-kerja mekanikal dan elektrikal.
- 28.6 Staff yang berkelayakan diperlukan bagi memastikan semua kerja yang dikehendaki dapat dilaksanakan dengan memuaskan dan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Penyelia atau wakil kontraktor mesti mereka yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman menguruskan kerja ditapak dengan baik.
- 28.7 Kontraktor hendaklah memastikan pekerja-pekerja yang telah ditetapkan jumlahnya seperti di dalam 'Bill of Quantity' sentiasa ada di tapak. Kegagalan pekerja-pekerja semasa waktu kerja, Kontraktor boleh dikenakan denda seperti **Lampiran 1**.

33.0 Tempoh Kontrak

- 33.1 Kontrak ini berkuatkuasa bagi tempoh dua tahun campur satu tahun (2+1) bergantung kepada ulasan Jabatan dan kelulusan Pengurusan Tertinggi Majlis. Walaubagaimanapun Kontraktor akan dinilai setiap tiga (3) bulan kemajuan kerja sebelum dibenarkan menjalankan kerja-kerja seterusnya.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Dibatalkan:

34.2 Kadar potongan bayaran ialah seperti berikut:-

34.2.1 Jika sesuatu jenis kerja gagal disempurnakan, NTC hendaklah dikeluarkan, jika NTC telah dikeluarkan sebanyak 3 kali dan kontraktor masih gagal melaksanakan teguran yang dibuat oleh Pegawai Pengguna maka denda hendaklah dikenakan. Sekiranya surat amaran sehingga 3 kali dikeluarkan Majlis berhak atas budibicaranya menamatkan kontrak.

34.2.2 Jika sesuatu kerja itu gagal disempurnakan seperti dikehendaki, suatu **DENDA LEWAT AKAN DIKENAKAN BAGI SETIAP JENIS KERJA YANG TIDAK DISEMPURNAKAN PADA MASA PEMERIKSAAN DIJALANKAN.**

34.2.4 Kadar denda lewat siap kerja adalah seperti di Lampiran 1.

34.2.5 Kontraktor yang gagal membuat tuntutan bayaran untuk **4 bulan** berturut-turut, bayaran tidak akan dibuat.

37.0 Mesyuarat Dan Laporan Bulanan

37.1 Mesyuarat Bulanan

37.1.1.3 Pembantu Pertanian.

22.12 Perlu mengecat dengan cat sedia ada kecuali atas arahan S.O 3 bulan sekali dengan cat timber tone atau cat minyak.

**Majlis Perbandaran Klang
Jabatan Taman & Rekreasi**

Tajuk Dokumen: Garispanduan Penyelenggaraan Landskap Dan Taman Awam

No. Dokumen: GP/ 01/ MPK/ PK/ A/ 17

No. Pindaan: 05

Tarikh Berkuatkuasa: 02 Januari 2020

Dibatalkan

- 1.0 Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan secara jabatan;
- 1.1 PTR hendaklah mengarahkan PPP menyelaras kerja-kerja di tapak oleh Pekerja Rendah Awam (PRA) mengikut jadual yang ditetapkan.
- 1.2 PPP hendaklah melaporkan status kerja kepada AL untuk dimaklumkan kepada PTR.

- 2.0 Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan secara Inden/ LO;
- 2.1 PTR hendaklah mengarahkan PPP menyelaras kerja-kerja pemanggilan Sebutharga merujuk Arahan Perbendaharaan.
- 2.2 Setelah menerima Sebutharga, PPP perlu menyediakan laporan kepada PTR untuk kelulusan PTR/ SU/ YDP.
- 2.3 Setelah kelulusan diterima, PTR akan mengarahkan Pembantu Tadbir Kanan (PTK) untuk menyelaras dengan Pembantu Tadbir (PT) menyediakan Inden/ LO.
- 3.0 Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan secara Tender, perlaksanaannya hendaklah merujuk kepada MPK PK (A20).
- 4.0 Sekiranya penyelenggaraan dilaksanakan secara Sebutharga/ kerja undi/ kerja terus perlaksanaannya hendaklah merujuk kepada MPK/ PK (A19 & A21).

- 19.7 Pokok teduhan hendaklah dipangkas **enam (6) atau tujuh (7) kaki** dari pangkal pokok (Lihat Rajah 2).

Disediakan oleh: En. Zulkifli Bin Alias; Penolong Pegawai Pertanian; T/t:

Disemak oleh : En. Dawari Bin Daud; Pengarah Taman & Rekreasi; T/t:

Diluluskan oleh : Puan Elya Marini Binti Darmin; Wakil Pengurusan; T/t: